



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

## SIARAN MEDIA

### PORTAL BAHARU JPA, MENGANGKAT APRESIASI INOVASI MENERUSI REVOLUSI BUDAYA KERJA DIGITAL DALAM ERA MADANI

---

**Putrajaya, 23 Julai** – Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) hari ini telah melancarkan **portal baharu yang dinaik taraf menerusi versi terkini 4.3.4** dengan mengadaptasi aspirasi MADANI melalui **Daya Cipta, The G.R.E.A.T Civil Service** iaitu **Tadbir Urus Terbaik** dan **H.E.M.A.T** secara **Minda Pekin dan Apresiasi Inovasi**.

Portal baharu ini bukan sahaja mempunyai jaminan keselamatan ICT yang lebih kukuh dan mampan, malahan dibangunkan secara dalaman sepenuhnya oleh Pegawai-pegawai Teknologi Maklumat, Bahagian Digital dan Teknologi Maklumat (BDTM), JPA tanpa melibatkan sebarang kos.

YBhg. Dato' Sri KPPA dalam ucapannya berkata, “**Elemen utama dalam kreativiti dan inovasi ini ialah idea baharu yang menjurus kepada penambahbaikan dan memberikan nilai tambah baharu melalui penggabungan sumber-sumber sedia ada**”.

Konsep baharu portal JPA ini menawarkan **paparan yang lebih padat dan ringkas** (*Less is More*), **reka bentuk yang lebih kemas dan tersusun** (*Clean and Simple*), dan paparan yang **berfokuskan konteks supaya lebih mudah untuk dilayari** (*White Space*). Konsep ini merupakan suatu pendekatan yang **pertama seumpamanya** dilaksanakan oleh perkhidmatan Kerajaan. Justeru, perkara ini seharusnya menjadi suatu penanda aras baharu kepada semua portal Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang lain agar dapat diselaraskan secara kolektif serta sentiasa dikemaskini bagi memenuhi ekspektasi pelanggan dan bersesuaian dengan perubahan zaman.

YBhg. Dato' Sri KPPA menambah bahawa JPA sentiasa membudayakan usaha menyemarakkan digitalisasi. Beberapa inisiatif berasaskan idea inovasi telah pun dilaksanakan sebelum ini, antaranya:

- I. **Penggunaan *single pass-card system*** yang merakamkan waktu pergerakan keluar dan masuk pegawai secara ekstensif. Dengan itu, aspek keselamatan pegawai, dokumen dan harta benda Kerajaan lebih terjamin;
- II. **Sistem HRM baharu** yang mengadaptasi teknologi digital seperti ***chatbot, AI, dan analitik data***;
- III. **Teknologi *Robotic Process Automation (RPA)*** bagi pengurusan tuntutan bekerja lebih masa dan penerimaan biasiswa ataupun pinjaman yang ditaja JPA;
- IV. Bermula 27 Mei 2024 yang lalu, **MyHRMIS Mobile** menggunakan fungsi MyDigital ID untuk log masuk; dan
- V. Mesyuarat-mesyuarat di JPA, seperti Mesyuarat Pengurusan Tertinggi dan Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola JPA telah mula dilaksanakan tanpa kertas ataupun **paperless dengan menggunakan sistem *Convene***.

Di samping itu, terdapat **lapan produk yang juga dibangunkan secara dalaman** oleh BDTM, JPA tanpa melibatkan sebarang kos iaitu **Sistem Award GCR, Sistem Peperiksaan Perkhidmatan Awam (SPPA), Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN), Inventori Sistem Audit Nilai (iNSAN), MyKPI V2.0, Sistem Profiling Digital Kesehatan Psikologi Pegawai Perkhidmatan Awam (MyPsyD), MyHRMIS Mobile, Sistem MyKehadiran dan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)**.

Sehingga kini, **sebanyak 1,000 orang pengguna sehari secara purata** telah direkodkan semasa melayari portal JPA untuk mengakses data terbuka Kerajaan bagi perkhidmatan yang disediakan. JPA berharap agar dengan adanya pembangunan portal ini ia dapat menyokong dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam yang menuju ke arah Kerajaan Digital dengan lebih efisien dan berkesan.

## **Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh: 23 Julai 2024

E-mel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)

No.Rujukan: JPA.100-9/1/2 Jld.2 (71)